

# Tiada kuota kemasukan

BH 16 JUN 2002

MELAKA: MCA tidak akan mengenakan sistem kuota bagi pengambilan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) termasuk ke Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), kata Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, sebarang langkah untuk mengenakan

sistem kuota hanya menyekat peluang pelajar Bumiputera sedangkan fungsi penubuhan IPTS adalah untuk memberi pendidikan kepada semua kaum.

“Secara umum saya berseutu dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak mengenakan sebarang kuota bagi pengam-

bilan pelajar Bumiputera ke IPTS.

“MCA melihat ini sebagai sesuatu yang positif dan sepatutnya tidak ada had untuk pelajar Bumiputera memasuki IPTS,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan perayaan kuih Chang di A’Famosa Resort, Alor Gajah, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Naib Presiden MCA yang juga Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Orm; Setiausaha MCA negeri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Wira Poh Ah Tiam dan Pengarah Urusan A’Famosa Resort, Datuk Alex Lau.

Semalam, Dr Mahathir

## ke UTAR: Dr Ling

dilauorkan berkata sebarang langkah untuk mengenakan sistem kuota bagi pengambilan pelajar Bumiputera ke IPTS akan menyekat serta menghadkan jumlah kemasukan lebih ramai mereka ke situ.

Beliau berkata, jika kuota 10 peratus diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera untuk memasuki IPTS, ber-

makna hanya jumlah itu boleh masuk sedangkan ramai lagi yang layak.

Ditanya persediaan UTAR menerima kemasukan pelajar Bumiputera, beliau yang juga pengerusinya berkata: “Kita sedia menerima dan menimbang permohonan yang diterima”.

Menjawab pertanyaan

lain, beliau berkata UTAR menerima empat permohonan pelajar Bumiputera untuk kemasukan bar-u-baru ini tetapi seorang saja menerima tawaran manakala tiga lagi menolak.

Beliau berkata, sebagai keluarga dalam Barisan Nasional, MCA bersikap terbuka sedia berbincang dengan mana-mana pihak.